

SR/16/02/2023

ISNIN, 20 FEBRUARI 2023

Yayasan Sarawak juara PESAYA Ke-14

KUCHING, 20 Feb – Yayasan Sarawak telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia (PESAYA) kali ke-14.

Majlis penutupan PESAYA dirasmikan oleh Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK), semalam.

Temasya PESAYA melabuhkan tirai setelah 10 hari berkampung di Kuching dari 10 hingga 19 Februari 2023 dengan penglibatan seramai 1,131 orang atlet dan pegawai daripada 13 buah Yayasan Negeri telah mengambil bahagian dalam 15 jenis sukan yang dipertandingkan.

Yayasan Sarawak sebagai tuan rumah PESAYA ke-14 merangkul 12 pingat emas, sembilan pingat perak dan tiga pingat gangsa yang menyumbang kepada 95 mata, manakala Yayasan Sabah di tempat kedua mengutip dua pingat emas, tujuh pingat perak dan lapan pingat gangsa dengan 51 mata terkumpul dan Yayasan Johor di tempat ketiga mengutip lima pingat emas, tujuh pingat perak dan lapan pingat gangsa yang menyumbang kepada 44 mata.

"Kejayaan dan kejuaraan bukanlah semata-mata menjadi hasrat utama kita tetapi ia lebih kepada memupuk semangat silaturahim dan setiakawan sesama Yayasan Negeri yang telah lama dibina mampu kita perkukuhkan.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK
Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak
Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

“Pada masa yang sama, perkara yang paling penting adalah kemampuan kita memupuk semangat integrasi nasional antara tiga wilayah yang telah bersama-sama membentuk Persekutuan Malaysia,” kata Abang Johari.

PESAYA dianjurkan secara dwitahunan di mana setiap yayasan negeri akan diberi peluang untuk menjadi tuan rumah secara bergilir-gilir.

PESAYA pertama kali dianjurkan oleh Yayasan Sabah pada tahun 1991 dan penganjuran PESAYA seterusnya bakal diadakan di Kelantan dengan Yayasan Kelantan Darulnaim sebagai tuan rumah seperti mana yang telah dibincangkan oleh wakil ahli jawatankuasa pada mesyuarat teknikal PESAYA pada 5 Januari 2023 lepas.

Majlis turut dihadiri oleh Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak dan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan, Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah, Setiausaha Kerajaan Sarawak Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki dan Pengarah Yayasan Sarawak, Mersal Abang Rosli. —

TAMAT-

Disediakan Oleh: Toslin Meyub (BMKK)

Foto oleh: Jaed Tepus (BKVS)

GAMBAR PENERANGAN MENUNJUKKAN

Foto 1: Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg semasa majlis penutupan Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia (PESAYA) kali ke-14 di BCCK, semalam.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

Foto 2: Pengarah Yayasan Sarawak, Mersal Abang Rosli berucap semasa majlis penutupan Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia (PESAYA) kali ke-14 di BCCK, semalam.

Foto 3: Kontinjen Yayasan Sarawak menerima tropi juara PESAYA ke-14 yang disampaikan oleh Premier Sarawak.

Foto 4, 5 & 6: Mohamad, Aminuddin dan Jennifer menerima anugerah Pingat Setia PESAYA.

Foto 7: Atlet Yayasan Sarawak membawa bendera kejohanan PESAYA untuk disampaikan kepada tuan rumah penganjuran seterusnya.

Foto 8: Mersal menyerahkan bendera kejohanan PESAYA kepada tuan rumah penganjuran PESAYA ke-15, Yayasan Kelantan Darulnaim.